



Ruj. Kami : JPA.BK 306/3/2/12 (55)

Tarikh : 13 Februari 2014
13 Rabiulakhir 1435H

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PENYIMPANAN DATA/BORANG LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pengisian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) telah dilaksanakan secara atas talian melalui sistem HRMIS. Dalam hubungan ini, sekiranya LNPT diisi secara manual, maklumat LNPT tersebut masih perlu direkodkan semula ke dalam sistem HRMIS oleh Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) sebagai Data Sejarah LNPT.

3. Untuk agensi yang masih mengguna pakai **borang LNPT** ini, adalah dipohon supaya memastikan borang untuk pegawai **Skim Perkhidmatan Gunasama Persekutuan** dapat dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Menyimpan pada minggu ketiga/keempat April atau **selewat-lewatnya 25 April 2014** ke alamat:-

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 WP PUTRAJAYA
(u/p: Encik Ahmad Faizal bin Abu Hassan)

4. YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk memastikan **salinan pendua disimpan** di agensi dan **maklumat LNPT telah direkodkan semula ke dalam sistem HRMIS** oleh Urus Setia PPSM sebelum dihantar ke Jabatan ini.

5. Jabatan ini amat menghargai kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memaklum dan memanjangkan perkara ini kepada semua agensi di

bawah tanggung jawab YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebagai makluman, kegagalan agensi di bawah Kementerian/Jabatan mengemaskini rekod LNPT dalam sistem HRMIS boleh menjejaskan proses urusan personel dan kemajuan kerjaya penjawat seperti latihan atau kenaikan pangkat pada masa hadapan.

6. Pegawai yang boleh dirujuk sekiranya terdapat maklum balas atau kemusykilan berkaitan urusan ini adalah:

Nama Pegawai: Encik Ahmad Faizal bin Abu Hassan
Telefon: 03-8887 8611
Faks: 03-8881 0155
E-mel: faizal.hassan@jpa.gov.my

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai jua.




Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(JAMIL BIN RAKON)
Timbalan Pengarah Kanan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

 03-8885 4022
 03-8889 4266
 jamil@jpa.gov.my

Pekeliling / Surat Edaran Rujukan:

- ✓ Surat Edaran JPA bertarikh 15 Disember 2010 Rujukan JPA(S)NP.134/1 JLD.22(4) – “Pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Pegawai Awam Secara Atas Talian”
- ✓ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 – “Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan”
- ✓ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 – “Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam”